



MAJLIS DAERAH KERIAN  
NO. 1 WISMA MDK, JALAN PADANG  
34200 PARIT BUNTAR  
PERAK DARUL RIDZUAN

## **IKLAN JAWATAN KOSONG**

A) Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun untuk mengisi jawatan-jawatan berikut :-

- I. **PEMBANTU PENGUAT KUASA GRED KP1 (KONTRAK)**
- II. **PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1 (KONTRAK)**

### **B) CARA MEMOHON**

1. Syarat lantikan dan cara memohon boleh dirujuk dari laman web Majlis Daerah Kerian iaitu [www.mdkerian.gov.my](http://www.mdkerian.gov.my) atau <https://digital.perak.my/perjawatan/>
2. Permohonan hanya boleh dibuat secara atas talian (*online*) sahaja melalui laman sesawang e-Gerbang Perjawatan iaitu <https://digital.perak.my/perjawatan/>
  - i. Permohonan boleh dibuat mulai **10 JANUARI 2025 (JUMAAT)**. Pemohon diingatkan untuk mengisi alamat email dan nombor telefon yang aktif dalam borang permohonan.
  - ii. Pemohon **TIDAK PERLU** mengemukakan sebarang salinan dokumen selepas mengisi secara **ATAS TALIAN (ONLINE)**.
  - iii. Sebarang urusan melibatkan teknikal Sistem Permohonan Jawatan Kosong melalui portal <https://digital.perak.my/perjawatan/> hendaklah menghubungi Pasukan Help Desk Perak Digital melalui emel [perakdigital.kperak@gmail.com](mailto:perakdigital.kperak@gmail.com) (contoh : Lupa Kata Laluan)

### **C) CATATAN AM**

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
2. Borang yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat akan ditolak.
3. Pemohon yang tidak menerima borang jawapan selepas enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya.

**TARIKH BUKA PERMOHONAN : 10 JANUARI 2025 (JUMAAT)**  
**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 3 FEBRUARI 2025 (ISNIN)**

<b>1. JAWATAN</b>	<b>: PEMBANTU PENGUAT KUASA GRED KP1</b>
<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	<b>: KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>: PELAKSANA</b>
<b>JADUAL GAJI (MIN-MAX)</b>	<b>: MIN : RM 1,500.00      MAK : RM 4,680.00</b>

## **SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a.
  - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau
  - ii. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau
  - iii. bekas anggota polis atau tentera yang sekurang- kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau
  - iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,561.00); atau
  - v. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,622.00).

dan

- b. mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
  - i. tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - ii. berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - iii. mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - iv. mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

- v. lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- vi. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- vii. diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

#### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

- 2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(a)(i), 1(a)(ii), 1(a)(iv) dan 1(a)(v) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

<b>2. JAWATAN</b>	<b>: PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1</b>
	<b>(KONTRAK)</b>
<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	<b>: KEMAHIRAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>: PELAKSANA</b>
<b>JADUAL GAJI (MIN-MAX)</b>	<b>: MIN : RM 1,500.00                      MAK : 4,680.00</b>

## **SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - a. i. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
  - ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau
  - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00);

## **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.